

- .1 Nama biasiswa : Biasiswa MBI-YT (Program Pengajian KQT).
- .2 Syarat umum:
  - i. Permohonan terbuka kepada semua rakyat Malaysia dengan pecahan kuota bagi tajaan peratusan 70% adalah daripada Rakyat Negeri Terengganu dan selebihnya adalah 30%. (Walaupun bagaimanapun, sekiranya kuota pelajar luar Terengganu tidak dipenuhi kuota tersebut akan digunakan untuk Rakyat Terengganu).
    - a. Bagi pemohon Rakyat Negeri Terengganu pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu.
    - b. Pemohon dan/atau ibu/bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau surat akuan bermastautin.
    - c. Ibu/bapa dan/atau pemohon mestilah mendaftar sebagai pemilih/pengundi di Negeri Terengganu.
  - ii. Keutamaan pemohon dari kalangan berpendapatan rendah (B40).
- .3 Syarat khusus :
  - i. Lulusan SPM (lulus SPM).
  - ii. Memperolehi sekurang-kurangnya gred C dalam matapelajaran berikut :
    - Bahasa Melayu
    - Bahasa Arab
    - Pendidikan Al-Quran & Sunnah atau Turath Al-Quran Al-Sunnah atau Hifz Quran atau Maharat Al Quran;
    - Pendidikan Islam atau Syariah Islamiah atau Turath Dirasat Islamiah.
  - iii. Memperolehi sekurang-kurangnya gred E dalam matapelajaran Bahasa Inggeris
  - iv. Keutamaan khatam Hafazan Al-Quran 30 juzuk.